

Usah hanya makan angin

Kenal pasti universiti luar negara tunjuk minat laksana program mobiliti pelajar bagi mudahkan pindahan kredit

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Universiti tempatan diminta mempertingkatkan usaha mengenal pasti universiti di luar negara yang berminat melaksanakan program mobiliti pelajar dengan menawarkan sistem pemindahan kredit.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, sistem itu perlu jelas dan seragam kerana kejayaan program mobiliti pelajar selalunya bergantung kepada silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi setiap program akademik yang ditawarkan.

"Kalau sistem pemindahan kredit tidak dilaksanakan dalam program ini, bermakna mahasiswa yang menyertaiinya hanya pergi ke universiti luar negara untuk makan angin saja kerana mereka tidak



TIMBA PENGALAMAN...Khaled (kanan) memberikan penerangan kepada mahasiswa terpilih menyertai Program Mobiliti Pelajar Malaysia-China, semalam.

dapat menamatkan pengajian berikutan jumlah jam kredit yang tidak mencukupi.

"Jadi, universiti tempatan

perlu mengenal pasti program sama yang ditawarkan universiti di luar negara mempunyai standard yang

sama dan berunding untuk melaksanakan pemindahan kredit antara universiti yang menyertai program ini," ka-

FOTO | Mohd Fadli Hamzah

tanya pada sidang media selepas melancarkan Program Mobiliti Pelajar Malaysia-China di kementeriannya, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Bahagian Institusi Pengajaran Tinggi Swasta (IPTS), Datin Dr Siti Hamisah Tapsir.

Seramai 20 mahasiswa dari empat universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terpilih menyertai program mobiliti itu yang akan bermula 10 Mac ini.

Program selama enam bulan tajaan New Advanced Training Centre Sdn Bhd (NATC) itu membolehkan mahasiswa mengikuti program bahasa/Chinese Kouyu (pertuturan) selama tiga bulan di Beijing Sport Univer-

sity dan mengadakan latihan industri selama tiga bulan di syarikat dan universiti yang dipilih.

Mohamed Khaled berkata, beliau juga berharap semua institusi atau yayasan menaja mahasiswa termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (Mara), bank dan syarikat supaya turut memasukkan elemen pembiayaan kos menampung program mobiliti ketika menawarkan biasiswa kepada pelajar tajaan masing-masing.

Katanya, melalui usaha itu, beliau percaya kerajaan boleh menambah jumlah pelajar yang ingin menyertai program berkenaan.

"Ketika ini, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) ada menyediakan pinjaman tambahan sebanyak RM4,000 kepada pelajar yang menyertai program ini," katanya.